



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 15 MAC 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	AGROBANK LULUSKAN MORATARIUM KEPADA PETANI DAN PESAWAH, BISNES, SH -29	AGROBANK
2.	PERKASAKAN SEKTOR PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN, NEGARA, KOSMO -7	LAIN-LAIN
3.	BAN BAHARU TAK DIBINA, PETANI KERUGIAN LEBIH RM100,000, DALAM NEGERI, UM -30	
4.	HARGA BARANGAN KEPERLUAN ASAS TERKAWAL, BERITA RTM -ONLINE	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/3/2023	SINAR HARIAN	BISNES	29

Agrobank luluskan moratorium kepada petani dan pesawah

SHAH ALAM - Agrobank telah meluluskan sebanyak 77 permohonan moratorium bernilai RM22 juta setakat hari ini kepada petani dan pesawah di Terengganu dan Pahang yang terjejas banjir tahun lalu.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, buat masa ini, pihaknya sedang memproses sebanyak 90 permohonan baha-

ru bernilai RM10 juta untuk inisiatif sama.

Bagaimanapun, beliau berkata, pihaknya masih belum menerima sebarang permohonan moratorium daripada petani dari Johor yang turut terjejas akibat banjir yang melanda negeri itu ketika ini, namun beberapa individu telah menghubungi pihaknya untuk mengetahui mengenai moratorium tersebut.

"Ada beberapa individu yang

menghubungi kami berkenaan moratorium itu melalui panggilan telefon tetapi mereka masih belum sempat lagi untuk ke bank membuat permohonan.

"Mungkin selepas sebulan banjir baru reda, mereka akan datang, sama seperti di Terengganu dan Pahang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Penyempatan Bantuan Wang Persekolahan Agrobank 2023 yang disempurnakan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu pada Isnin.

Media sebelum ini melaporkan, Mohamad mengumumkan Agrobank menawarkan moratorium selama enam bulan kepada petani yang terjejas dalam bencana banjir baru-baru ini dan mereka boleh membuat permohonan di mana-mana cawangan bank berkenaan mulai minggu lalu.

Sementara itu, majlis berkenaan menyaksikan seramai 200 pelajar dari 10 sekolah di Parlimen Kota Raja menerima bantuan wang persekolahan bernilai RM150 setiap seorang bersekolahan sekolah.

Program tersebut bertujuan membantu keluarga golongan sasaran berpendapatan rendah (B40) menyediakan kelengkapan persekolahan anak-anak. *Bernama*

Perkasakan sektor pertanian dan keterjaminan makanan



PERLIS turut membantu negara mengurangkan kebergantungan bekalan makanan temakan dari negara luar. - GAMBAR HIASAN

KANGAR – Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail bertitah agar sektor pertanian dan keterjaminan makanan di negeri ini terus diperkasa.

Titah baginda, kekurangan bekalan makanan serta kenaikan harga makanan telah menjadi buaian dan rungutan rakyat.

Baginda bertitah, mengikut Indeks Sekuriti Makanan Global (GFSI) 2022, Malaysia berada di tangga ke-41 yang mana terdapat penurunan tujuh anak tangga.

“Ia menunjukkan bahawa sektor ini masih perlu diberi perhatian agar jaminan bekalan makanan negara terus terjamin dan tidak bergantung kepada import.

“Beta menyambut baik usaha untuk memperkasakan sektor pertanian Perlis yang akan terus diperluaskan dengan mempelopori kaedah pertanian moden serta pemasaran produk secara digital sekali gus mengutamakan petani dan penternak,” titah baginda ketika berucap sempena

Istiadat Perasmian Penggal Persidangan Pertama, Dewan Undangan Negeri (DUN) Perlis ke-45 di Kompleks DUN Perlis semalam.

Titah baginda, keadaan tanah subur di Perlis juga membolehkan tanaman jagung bijian berkualiti tinggi dan rumput napier dapat dihasilkan besar-besaran.

“Terkini, Perlis merupakan salah satu negeri yang membantu negara mengurangkan keberuntungan bekalan makanan temakan dari negara luar,” titah baginda.

15/3/2023

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

30

Ban baharu tak dibina, petani kerugian lebih RM100,000

Oleh FARAHWAHIDA AHMAD
utusannews@mediamulla.com.my

SEGAMAT: Penduduk Kampung Spang Loi, dekat sini merayu kerajaan menyetujui projek kerja membina semula ban yang pecah sejak setahun lalu bagi mengurangkan kesan banjir.

Seorang penduduk, Yuszaini Yahya, 49, mendakwa, banjir yang berlaku baru-baru ini dapat dielakkan jika ban yang pecah itu dibina semula.

"Pada Januari tahun lalu, banjir yang melanda kampung saya di luar jangkaan menyebabkan saya kerugian melebihi RM100,000 selepas rumah dan bengkel motosikal ditenggelami air.

"Ban Sungai Spang Muar berhampiran kampung pecah dan air melimpah membanjiri kawasan kampung kira-kira pukul 2.30 pagi. Penduduk kampung memang tak sangka banjir melanda kampung ini, selepas kali terakhir banjir pada 11 tahun lalu.

"Kali terakhir banjir teruk adalah pada 2011. Pada 2013 banjir kecil sahaja sebab kewujudan ban itu mengurangkan kesan banjir, tapi tak sangka pula tahun lalu ban itu boleh pecah," katanya ketika ditemui Utusan Malaysia.

Yuszaini mendakwa, peruntukan sudah diluluskan tahun lalu untuk membina ban baharu tetapi hingga kini masih belum disiapkan menyebabkan berlakunya kejadian banjir baru-baru ini yang telah memusnahkan ke-



YUSZAINI Yahya menunjukkan kebun sayur-sayurannya yang musnah ditenggelami banjir di Kampung Spang Loi, Segamat.

bun sayur serta menenggelamkan peralatan rumahannya.

Isterinya, Surinah Ibrahim, 44, berkata, kebun yang baru ditanam dengan sayur-sayuran itu menyebabkan mereka mengalami kerugian sebanyak RM12,000 akibat kerosakan pangkar dan semua tanaman seperti timun, sawi dan kacang panjang serta perkakasan lain yang musnah.

"Selain kebun, rumah kami juga tenggelam dan hanya tinggal bumbung. Semua barang habis tenggelam.

"Musim banjir sekarang tidak kira hujung tahun atau awal tahun. Bila-bila boleh banjir jika hujan tidak berhenti. Kami mohon sangat jika ban baharu nanti dibina dapat mengurangkan impak banjir dan sangat berharap pihak pertanian dapat membantu kami untuk bangkit kembali," kata ibu kepada empat cahaya mata itu.

Menurutnya, penduduk merayu kepada kerajaan menyetujui projek menaik taraf ban sepanjang 1.5 kilometer di kampung itu bagi menangan-

isu banjir berulang.

Pada 4 Januari tahun lalu, kerajaan di bawah pimpinan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob telah meluluskan peruntukan segera RM5 juta bagi pembinaan ban di Kampung Spang Loi, di sini melibatkan kerja naik taraf ban sepanjang 1.5 kilometer.

Peruntukan bagi meningkatkan ban dari aras 5.2 meter kepada 6.2 meter bagi menampung air banjir yang meningkat berbanding semasa direka bentuk sebelum ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/3/2023	BERITA RTM	ONLINE	

Harga barangan keperluan asas terkawal



KUALA LUMPUR, 14 Mac- Harga barangan keperluan asas adalah terkawal menjelang Ramadan dan sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini.

Jaminan itu diberi Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub.

"Sebagai mengambil tanggungjawab Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) dan KPND akan mengadakan libat urus bersama beberapa pemain indsturi dalam tempoh terdekat.

"Jadi satu mesyuarat khas KPND bersama MAFS akan diadakan dalam tempoh terdekat," kata Salahuddin sebagai mengulas kebimbangan barangan keperluan asas akan mengalami kenaikan harga menjelang Ramadan dan sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini.



(Datuk Seri Salahuddin berkata harga barangan keperluan asas terkawal)